

13/08/2001

Pasukan Jepun julang Piala Perdana Menteri

LA Maree & Splash, pasukan dari Jepun yang diketuai Sonoda Yukihiro, pelumba ranking ke-17 dunia dalam sukan go-kart, muncul juara edisi keempat Kejohanan Indy-40 Enduro sekali gus merebut Piala Perdana Menteri di Litar Kart Antarabangsa Morac, di Pantai Cenang, Langkawi, semalam.

Pelumba berusia 44 tahun dengan dibantu Uchida Yasuhiro, 25, Taro Shigemasa, 27, dan Miyamori Osamu, 25 yang melakukan 197 pusingan dengan kepantasan 3 jam 59 minit dan 48.70 saat turut memenangi hadiah wang tunai RM40,000.

Pasukan dari negara Matahari Terbit yang dalam percubaan ketiganya merebut juara selepas buat pertama menyertai perlumbaan itu pada 1999 mencatatkan masa terpantas pada pusingan ke-59.

Kartmaster, pasukan campuran dari Malaysia dan Indonesia pula menduduki tempat kedua selepas melakukan 197 pusingan dengan kepantasan 4:00:11.25s, ketinggalan hanya 18.74s di belakang juara.

Pasukan itu yang dibarisi Meckel Ali, Arya Setyaki, Ng Wai Leong dan Farriz Fauzy mencatatkan masa terpantas pada pusingan ke-176 dengan purata kelajuan 60.5s satu pusingan. Mereka membawa pulang RM30,000.

Satu lagi pasukan Jepun, Nuova Kart Racing yang dibarisi Hirohide Takashi, Takehito Hayakawa, Akio Yoshida dan Takamitsu Hayakawa pula memenangi tempat ketiga selepas melakukan kepantasan 4:00:50.39s untuk membawa pulang RM20,000.

Tempat keempat dimenangi Sajibumi menerusi pelumba muda, Mohd Rohairijaz Mohd Ropin, Nik Iruwan Bik Izani, Aaron Lim Say Joon dan Raja Arfiz Shah Putra selepas mencatatkan kepantasan 4:01:01.53. Mereka meraih RM10,000.

Semua hadiah disampaikan presiden Langkawi Motorsport Club, Datuk Halil Abdul Mutalib. Penyandang juara, GP3 dari Malaysia gagal mempertahankan kejuaraan selepas catatan masa mereka dibatalkan akibat kesalahan teknikal.

Sementara itu, dalam satu lagi peringkat Rotax Max Challenge, Mahathir Ngaau dari Sabah menduduki tempat pertama selepas melakukan 20 pusingan dengan catatan masa 00:22:12.24s.

Tempat kedua dimenangi pelumba Australia, Martin Druhan (22:22.11s), diikuti tempat ketiga, Sinyo Haryanto dari Indonesia (22:22.38s).

Perlumbaan anjuran bersama Langkawi Motorsport Club dan Lembaga Pembangunan Langkawi serta Mofaz Motorsports Sdn Bhd. Ia diperkenalkan pada 1997 sempena Hari Kebangsaan ke-40.

(END)